

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN IBU PEJABAT POLIS DAERAH BATU PAHAT,
JOHOR**

27/05/2014

IBU PEJABAT POLIS DAERAH BATU PAHAT, JOHOR

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN
MENTERI BESAR JOHOR DAN
YANG AMAT DIHORMATI DATIN ROSNI BINTI OMAR,

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR AHMAD ZAHID HAMIDI
MENTERI DALAM NEGERI DAN
YANG BERBAHAGIA DATIN SERI HAMIDAH BINTI KHAMIS

YANG DIHORMATI TAN SRI DATO' SRI KHALID BIN ABU BAKAR
KETUA POLIS NEGARA DAN
YANG BERBAHAGIA PUAN SRI DATIN SRI SURIATI BT. MD SOBRI

YANG BERBAHAGIA DATO' MOHAMAD KHALID BIN SHARIFF
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHAMAD BIN HAJI AZIZ
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI JOHOR

YANG DIHORMATI DATO' MOHD. MOKHTAR BIN HJ. MOHD. SHARIFF
KETUA POLIS JOHOR DAN
YANG BERBAHAGIA DATIN BIBI ZAKIAH BINTI MERASLAM

YANG DIHORMATI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN PENGURUSAN TERTINGGI POLIS
DIRAJA MALAYSIA

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI JAWATANKUASA KERJA KERAJAAN NEGERI
JOHOR

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, KETUA-KETUA JABATAN PERSEKUTUAN DAN
NEGERI

YANG DIHORMATI PENGARAH-PENGARAH, KETUA-KETUA JABATAN POLIS
DIRAJA MALAYSIA, KETUA-KETUA POLIS DAERAH

PARA PENGAMAL MEDIA

DATO'-DATO', DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN PARA HADIRIN
YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

ASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAH HI WABARAKATUH
SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1 MALAYSIA

SEGALA PUJIAN BAGI ALLAH SUBAHANAHU WATA'ALA DAN SELAWAT KE ATAS
JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD S.A.W. DIPANJATKAN SEJUTA
KESYUKURAN DI ATAS SEGALA LIMPAH KURNIA DAN INNAYAHNYA KEPADA
KITA YANG MEMBOLEHKAN KITA BERSAMA-SAMA BERADA DI MAJLIS INI
DENGAN SEGALA KEBERKATANNYA. MUDAH-MUDAHAN KITA AKAN TERUS
DIRAHMATI DAN DIPELIHARA DUNIA DAN AKHIRAT, INSYAALLAH.

TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH DI
ATAS JEMPUTAN KEPADA SAYA DAN ISTERI UNTUK HADIR MENEMUI PARA
HADIRIN SEKALIAN DAN SETERUSNYA MERASMIKAN BANGUNAN BARU IBU
PEJABAT POLIS DAERAH BATU PAHAT. TAHNIAH JUGA SAYA UCAPKAN KEPADA
JAWATANKUASA PENGANJUR YANG TELAH MENGATURKAN MAJLIS INI
DENGAN MENGHIMPUNKAN PEMIMPIN DAN MASYARAKAT UNTUK SAMA-
SAMA MENGHAYATI ASPIRASI KERAJAAN DALAM MENENTUKAN PROGRAM
PELINDUNGAN KESELAMATAN KEPADA RAKYAT.

PADA HARI INI KITA MENYAKSIKAN SEBUAH IBU PEJABAT POLIS BARU YANG
TERSERGAM INDAH MENGGANTIKAN IBU PEJABAT POLIS YANG LAMA DI JALAN
RAHMAT, BATU PAHAT. IA MERUPAKAN LAMBANG KOMITMEN KERAJAAN
UNTUK MELINDUNGI MASYARAKAT DARI SEGI KESELAMATAN. PASUKAN POLIS
YANG TERUS DIPERTINGKATKAN KEUPAYAANNYA ADALAH BERTUJUAN UNTUK
MEMBERIKAN PERKHIDMATAN KEPADA MASYARAKAT SEIRING DENGAN
KEMAJUAN PENDUDUKNYA.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PERKEMBANGAN SOSIAL SEMASA
MEMERLUKAN PERKHIDMATAN POLIS DIPERTINGKATKAN KEUPAYAANNYA
UNTUK MENDEPANI PERSEKITARAN YANG KIAN KOMPLEKS. PASUKAN POLIS

JUGA PERLU DIBERIKAN PRASARANA TERBAIK BAGI MEMBOLEHKANNYA BERADA DALAM TAHAP SELARI DENGAN PEMBANGUNAN NEGARA. ANTARA STRATEGI PEMBANGUNAN YANG DILAKUKAN IALAH MEMBINA BANGUNAN YANG BERSESUAIAN UNTUK POLIS DIRAJA MALAYSIA. SELAIN DARIPADA PEMBANGUNAN UNTUK KEMUDAHAN PERKHIDMATAN, PEMBANGUNAN BANGUNAN-BANGUNAN BARU TURUT MELIBATKAN KELENGKAPAN KUARTERS UNTUK PEGAWAI, ANGGOTA DAN PEGAWAI AWAM.

KELENGKAPAN LOGISTIK DAN PRASARANA YANG TERKINI ADALAH MERUPAKAN SATU KEPERLUAN DALAM MELAHIRKAN PERKHIDMATAN POLIS BERKELAS DUNIA. SEIRING DENGAN TAHAP KEPAKARAN YANG DIPERLUASKAN, POLIS TERUS MENINGKATKAN KEUPAYAAN DALAM PENUGASAN MEREKA. PERKHIDMATAN POLIS TIDAK MAMPU KETINGGALAN KERANA DUNIA BEGITU DINAMIK DALAM SERBA SERBI FENOMENA SOSIAL DAN PENJENAYAHAN. PEMIMPIN-PEMIMPIN POLIS DIRAJA MALAYSIA PERLU MENITIK BERATKAN ASPEK KEILMUAN DAN KEPAKARAN MELALUI PENGKAYAAN PENGALAMAN. BUDAYA KEPOLISAN YANG TELAH MENJANGKAU 206 TAHUN HARUS DIJADIKAN SANDARAN TETAPI DIPERKEMASKAN DENGAN TEKNOLOGI TERKINI DAN PENYESUAIAN SEMASA.

MASYARAKAT MEMPUNYAI HARAPAN YANG TINGGI KEPADA PASUKAN POLIS. KEADAAN INI DISEBABKAN OLEH PERSEPSI JENAYAH YANG TINGGI BERTENTANGAN DENGAN TAHAP KEYAKINAN DAN KEPERCAYAAN TERHADAP POLIS YANG RENDAH. NAMUN DEMIKIAN, APABILA BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA DI BAWAH PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN DIPERKENALKAN PADA 28 JANUARI 2010, USAHA-USAHA MERAPATKAN JURANG TERSEBUT TELAH DAPAT DILAKUKAN. PERSEPSI NEGATIF JENAYAH DAPAT DIPERBAIKI MELALUI KEJAYAAN POLIS MENURUNKAN JENAYAH INDEKS. TAHAP KEYAKINAN KEPADA POLIS JUGA KIAN MENINGKAT.

NAMUN DEMIKIAN, HARAPAN ITU TIDAK DAPAT DITERJEMAHKAN DALAM TEMPOH SINGKAT. PROSES MENCAPAI KEJAYAAN DILAKSANAKAN DALAM PERINGKAT-PERINGKAT YANG DITETAPKAN. SECARA JANGKA PANJANG PROSES YANG DIAMALKAN AKAN MEMBERIKAN IMPAK POSITIF SECARA BERTAHAP. STRATEGI MENANGANI MASALAH JENAYAH DIJADIKAN SEBAGAI SATU AGENDA MELALUI PENGUKURAN YANG BERSESUAIAN. INSYAALLAH, SECARA JANGKA PANJANG KADAR JENAYAH INDEKS, KADAR PENDAKWAAN, KADAR PENYELESAIAN KES SERTA LINGKARAN KEYAKINAN DAN PERSEPSI NEGATIF AKAN DAPAT DISTABILKAN PADA KADAR YANG LEBIH REALISTIK.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

UMUM MENGETAHUI BAHAWA PENGORBANAN POLIS KEPADA MASYARAKAT TIDAK DAPAT DINAFIKAN. KHIDMAT MEREKA SENTIASA DITAGIH DEMI KEPENTINGAN MASYARAKAT. MEREKA DIHARAPKAN DAPAT MENGATASI SEMUA PERMASALAHAN DAN SETIAP INDIVIDU POLIS DIAMANAHKAN DENGAN TANGGUNGJAWAB YANG BESAR. PENGORBANAN POLIS BIASA TERPAPAR DI AKHBAR-AKHBAR. TERKINI IALAH BAGAIMANA POLIS MENGHADAPI ANCAMAN PENCEROBOH MILITAN DI LAHAD DATU HINGGA MEREKA TERKORBAN DALAM MEMPERTAHANKAN NEGARA. SEJARAH MEMBUKTIKAN BAHAWA PERKHIDMATAN POLIS TIDAK PERNAH LEKANG DARI CATATAN KEJAYAAN SEBAGAI WIRA YANG MEMPERTAHANKAN NEGARA.

JUSTERU ITU, MASYARAKAT PERLU MEMAHAMI DAN MEMBERIKAN KERJASAMA KEPADA PDRM SEBAGAI BANTUAN DALAM MENENTUKAN NEGARA KITA KEKAL SELAMAT. KESEDARAN TERHADAP JENAYAH SERTA KEPENTINGAN KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN HENDAKLAH MENJADI AMALAN MASYARAKAT UMUM. KESEDARAN SEDEMIKIAN AKAN MENDORONG PEMBANGUNAN EKONOMI YANG MEMBAWA KEMAKMURAN KEPADA KITA.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

SEBELUM SAYA MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA PEGAWAI, ANGGOTA DAN PEGAWAI AWAM YANG BERTUGAS DI BANGUNAN BARU INI. MEREKA ADALAH SEGELINTIR DARIPADA KESELURUHAN ANGGOTA PDRM YANG MENDAPAT NIKMAT BERTUGAS DI IBU PEJABAT POLIS YANG BARU DAN MODEN. SEBAGAI DAERAH POLIS YANG BERPRESTASI TINGGI, KOMPLEKS PEJABAT INI PASTINYA AKAN MENINGKATKAN LAGI PENCAPAIAN DI MASA AKAN DATANG.

DENGAN PENUH IKHLAS, SAYA RAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI KERANA JEMPUTAN YANG DIPANJANGKAN KEPADA SAYA UNTUK MERASMIKAN BANGUNAN BARU IBU PEJABAT POLIS DAERAH BATU PAHAT INI. PENGHARGAAN SETERUSNYA SAYA UCAPKAN KEPADA SEMUA PARA HADIRIN SERTA JAWATANKUASA PENGANJUR KERANA MENJADIKAN MAJLIS INI SEBAGAI SATU MAJLIS YANG GILANG-GEMILANG DAN PENUH ISTIADAT KEPOLISAN.

DENGAN LAFAZ BISMILLAH HI RAHMAN NIR RAHIM, SAYA DENGAN INI MENGISYTIHARKAN PERASMIAN BANGUNAN BARU IBU PEJABAT POLIS

DAERAH BATU PAHAT.

SEKIAN, WABILLAH HI WA TAUFIK WAL HIDAYAH, ASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAH HI WABARAKATUH.

TERIMA KASIH.